

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Sunday, March 10, 2019 11:59 AM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Sukarelawan UUM Ringan Tulang Bersih Kawasan Rumah Terbakar



10 MAC 2019 / 03 REJAB 1440H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: Nordiana Shafiee

### SUKARELAWAN UUM RINGAN TULANG BERSIH KAWASAN RUMAH TERBAKAR



**UUM ONLINE:** Alor Setar - Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul, itulah realiti yang harus ditempuhi Muhammad Hakimi Bakar apabila kediaman keluarganya hangus terbakar di Kampung Tengah, Teluk Bagan.

Muhammad Hakimi, pelajar tahun akhir Sarjana Muda Pengurusan Awam itu bersama ibu bapa dan dua adiknya kini tinggal sehelai sepinggang berikutan kejadian yang berlaku Januari lalu.

Simpati dengan nasib menimpa, sekumpulan sukarelawan dari Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) dan Majlis Sukarelawan Universiti-universiti Malaysia (MASUUM) terdiri 60 pelajar

UUM telah turun padang mengadakan gotong-royong bagi membersihkan kawasan rumah Muhammad Hakimi yang terbakar, semalam.

Sukarelawan, Haraveshiny a/p Balakrishnan berkata, dia bertuah kerana dapat bersama-sama membantu meringankan beban ditanggung keluarga mangsa kebakaran itu.

“Program khidmat masyarakat ini adalah yang pertama disertai dan saya amat gembira kerana dapat membantu membersihkan kawasan rumah Muhammad Hakimi yang telah terbakar ini.

“Pada masa sama, saya juga bersimpati dengan musibah yang menimpa keluarganya dan saya berharap dapat terus menabur bakti kepada mana-mana keluarga yang memerlukan menerusi program sebegini,” kata pelajar Semester 2, Sarjana Muda Keusahawanan itu.

Ketua operasi, Shahrin Ahmad berkata, Misi Sukarelawan Hati Murni 2 UUM itu melibatkan 60 pelajar yang membantu membersihkan penempatan penduduk yang terlibat dalam bencana dan kemalangan serta memberi khidmat sosial dalam bentuk pengurusan trauma.

Menurutnya, kali ini, sukarelawan terlibat bergotong-royong membantu membersihkan kawasan rumah terbakar yang didiami keluarga pelajar UUM.

“Saya juga berterima kasih kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali; Pengarah Hal Ehwal Pelajar, Dr. Massudi Mahmuddin dan Penolong Pendaftar JHEP, Noor Azman Yusof yang banyak membantu pasukan sukarelawan ini,” katanya.

Sementara itu, Muhammad Hakimi berkata, dia berterima kasih kepada UUM kerana sudi turun padang membantu mengadakan gotong-royong membersihkan kawasan rumahnya yang terbakar itu.

Menurutnya, kejadian tersebut berlaku begitu pantas dan mereka sekeluarga tidak mampu menyelamatkan harta benda di dalam rumah berkenaan.

“Kami lari menyelamatkan diri ketika api mula merebak yang dipercayai bermula di bahagian dapur dan kini kami hanya tinggal sehelai sepinggang sahaja.

“Namun, dengan kehadiran sukarelawan UUM ke sini untuk membantu membersihkan kawasan ini sedikit sebanyak melegakan saya dan keluarga sebelum proses pembinaan semula dan kerja pembaikan dapat dilakukan,” kata anak sulung tiga beradik itu.

Menurut ibu Muhammad Hakimi, Maziah Saad, berikutan kebakaran itu, mereka sekeluarga telah menanggung kerugian kira-kira RM150,000.

Katanya, dia kini berharap bantuan untuk membina semula rumah yang terbakar itu dapat disegerakan memandangkan bulan Ramadan juga semakin hampir.

“Sekarang kami berteduh di bahagian belakang rumah yang tidak terjejas dalam kebakaran, namun ruang yang sempit ini membuatkan kami tidak selesa.

“Sehubungan itu, saya berharap beban ditanggung dapat diringankan dan dapat mendiami semula rumah pusaka yang berusia lebih 50 tahun ini,” katanya.

Hadir sama wakil Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kundor, Mohd Nazli Mansor.

**DARIPADA:**  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
04-928 3048/3049/3052/3061  
04-928 3053  
ukkuum@uum.edu.my  
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.